



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

**PERTANDINGAN PROJEK INOVASI
KELAB DAN PERSATUAN
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
MALAYSIA 2014**

Disediakan oleh:
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pelajaran Malaysia

1.0 TAJUK

PERTANDINGAN PROJEK INOVASI KELAB DAN PERSATUAN 1.0

2.0 PENGENALAN

Bidang kokurikulum yang merangkumi kegiatan pasukan badan beruniform; kelab dan persatuan serta sukan dan permainan adalah sebahagian ilmu yang wajib dipelajari oleh semua murid dalam Sistem Pendidikan Negara (Akta Pendidikan 1996). Selain berperanan sebagai penyumbang dan pelengkap kepada pengajaran dalam bilik darjah, bidang ilmu yang dijalankan di luar bilik darjah juga berperanan dalam membentuk perwatakan dan jati diri individu serta memupuk semangat patriotisme dan perpaduan.

Budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan murid lebih sesuai didedahkan melalui kegiatan kokurikulum kerana kegiatan ini berlaku di luar bilik darjah dan boleh dilaksanakan di dalam dan di luar waktu sekolah. Pendedahan awal dan kepelbagaian aktiviti secara kumpulan yang ada terutama dalam kegiatan kelab dan persatuan sekolah akan memberi peluang kepada murid untuk meneroka, mencuba atau mencuba jaya sesuatu tugas/projek yang dipertanggungjawabkan, apatah lagi jika kerja yang dilakukan itu memenuhi citarasa dan minat serta kebolehan diri yang ada pada mereka. Ini terbukti dengan kejayaan murid-murid dalam pembuatan projek seperti Program Robotik dan *F1 In Schools* maka amatlah wajar pembelajaran di peringkat sekolah yang mengarah kepada inovasi diperluaskan.

Maklum balas Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) yang mengkaji tentang pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah mendapati bahawa kegiatan kokurikulum yang berunsurkan kelab dan persatuan kurang digemari oleh murid. Di antara faktor penyebabnya ialah ketiadaan kurikulum yang lengkap, guru kurang berinisiatif dan aktiviti yang tidak menarik dan mencabar. Dapatan ini disokong oleh hasil tinjauan yang dibuat oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (2011) ke sekolah-sekolah di seluruh negara yang melihat kegiatan kelab dan persatuan tidak popular sebagaimana kegiatan badan beruniform dan sukan/permainan. Isu ini memerlukan penelitian yang menyeluruh terhadap pelaksanaan kegiatan kelab dan persatuan di sekolah agar suatu arah tuju yang baru selaras dengan keperluan negara di masa akan datang dapat dihasilkan.

3.0 MATLAMAT

Memupuk dan melahirkan modal insan yang berinovatif dan kreatif melalui penghasilan projek bagi setiap murid dalam kegiatan kelab dan persatuan di sekolah.

4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Menggunakan pengetahuan kefahaman dan kemahiran praktikal yang yang diperolehi semasa pengajaran dan pembelajaran.
- 4.2 Memupuk budaya kreatif dan inovatif melalui kerja secara berpasukan di kalangan murid.
- 4.3 Mengenalpasti ruang bagi penambahbaikan ke atas aktiviti kelab dan persatuan.
- 4.4 Berkomunikasi dengan berkesan dan menyampaikan maklumat, idea, masalah, penyelesaian secara jelas dan menyakinkan.
- 4.5 Penyediaan ke arah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) bagi murid-murid dan warga sekolah.
- 4.6 Memenuhi objektif Plan Pembangunan Pendidikan ke arah tranfomasi pendidikan yang dapat memenuhi aspek aspirasi sistem dan pengurusan murid demi menghasilkan pendidikan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.
- 4.7 Memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dapat membentuk keseimbangan murid dari aspek intelek, jasmani ,emosi, rohani dan sosial.
- 4.8 Memberikan ruang dan peluang kepada murid-murid untuk memperkembangkan bakat, minat dan potensi dalam menghasilkan projek inovasi dengan mengikut kreativiti murid berdasarkan garis panduan yang disediakan.

5.0 SASARAN

Semua murid **sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan** (kelab dan persatuan sekolah)

6.0 PENYERTAAN

- 6.1 Penyertaan adalah terbuka kepada murid-murid sekolah menengah dari Kelab dan Persatuan yang berdaftar di sekolah mengikut kategori seperti berikut :
- i. Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan 5.
- 6.2 Setiap kelab atau persatuan terbaik dalam projek inovasi akan mewakili sekolah untuk ke peringkat daerah. Johan peringkat daerah akan mewakili daerah ke peringkat negeri. Johan dan Naib Johan peringkat negeri akan mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.
- 6.3 Pasukan / Sekolah yang bertanding dianggotai oleh 12 orang **(maksimum)** tetapi **pada tarikh pertandingan hanya 3 orang** sahaja yang akan mewakili sekolah untuk membuat persembahan. Setiap pasukan akan diiringi oleh seorang guru pengiring.
- 6.4 Penyertaan daripada pelbagai kaum amat digalakkan.
- 6.5 Peralatan tidak disediakan oleh pihak penganjur; segala peralatan mesti disediakan oleh pasukan masing-masing.

7.0 JANGKA MASA PERSEMBAHAN

- 7.1 Setiap pasukan akan diberi masa 3 minit untuk persediaan pembentangan.
- 7.2 Masa persembahan sepenuhnya bagi satu pasukan ialah 10 minit. Pemberian markah diberi berdasarkan persembahan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.3 Isyarat masa akan diberikan oleh penjaga masa:
i. pada minit ke sembilan
ii. masa tamat (minit ke 10)
Selepas 10 minit persembahan tidak dinilai dan markah tidak akan diberi.
- 7.4 Setiap ahli hendaklah mengambil bahagian secara aktif semasa persembahan.
- 7.5 Setiap peserta mesti bersedia menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh pihak juri.

**8.0. SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN;
PELAKSANAAN DAN PENILAIAN PROJEK INOVASI**

- 8.1 Setiap pasukan wajib mempamerkan produk inovasi dalam sebarang persembahan media yang bersesuaian.
- 8.2 Setiap pasukan dibenarkan membawa samada produk maujud/model/*prototype* atau melalui mana-mana media yang difikirkan perlu untuk tujuan mempamerkan produk pada pertandingan di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.
- 8.3 Setiap inovasi yang dihantar mestilah **inovasi** yang belum pernah dipertandingkan dalam pertandingan yang sama di bawah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 8.4 **Penambahbaikan** terhadap sesuatu produk inovasi yang telah dipertandingkan boleh diterima dengan syarat :-
- 8.4.1. Projek tersebut tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan di peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 8.4.2. Mendapat kebenaran dan kelulusan bertulis daripada Panel Penilai Projek Inovasi Kebangsaan.
- 8.5 Inovasi yang dihantar mestilah dijalankan dalam tempoh **September 2013 sehingga Julai 2014** seperti perincian di bawah :
- 8.5.1. Peringkat Sekolah : September 2013 – Jun 2014
- 8.5.2. Peringkat Daerah : Julai 2014
- 8.5.3. Peringkat Negeri : Ogos 2014
- 8.5.3. Peringkat Kebangsaan : Oktober 2014
- 8.6 Penilaian projek inovasi murid dilakukan secara berterusan bagi menilai pencapaian dan kebolehan murid dalam menyiapkan sesuatu produk inovasi.

Bentuk Penilaian adalah berdasarkan kepada aspek-aspek seperti berikut:

- **Kertas Cadangan**

Kandungan kertas cadangan adalah seperti berikut :

- Tajuk projek
- Pengenalan
- Objektif
- Rasional projek
- Skop dan limitasi projek
- Kepentingan dan impak projek
- Anggaran kos projek
- Tinjauan/Kajian literatur
- Kaedah penyelidikan atau metodologi projek
- Pelan perancangan projek
- Kesimpulan

- **Buku Log**

Buku log digunakan untuk merekod kemajuan projek dan pencapaian murid seperti catatan aktiviti, isu, cabaran dan penyelesaian yang telah dilaksanakan. Buku log disemak, dinilai dan disahkan oleh guru pembimbing.

- **Laporan Projek**

Satu kenyataan formal hasil daripada sesuatu penyelidikan atau maklumat lengkap tentang sesuatu hal yang disampaikan oleh ahli projek.

- **Pembentangan**

Murid dikehendaki membentangkan hasil projek dalam sesi pembentangan yang telah ditetapkan. Sesi pembentangan ini memberi peluang kepada murid untuk berhujah mempertahankan hasil projek serta bertukar pendapat secara ilmiah.

Hasil Projek

- **Potfolio**

Pengumpulan sistematik hasil kerja murid yang mempamerkan keupayaan perkembangan dan pencapaian dalam projek yang dijalankan.

- **Manual Pengguna**

Dokumen komunikasi teknikal yang bertujuan untuk memberi bantuan kepada pengguna menggunakan sistem tertentu. Kebanyakan manual pengguna mengandungi kedua-dua panduan bertulis dan imej-imej berkaitan.

- **Perisian**
Arahan-arahan lengkap dalam bentuk carta alir dan prosedur yang mengawal, mengurus dan menyokong sistem komputer serta aktiviti-aktiviti pemrosesan maklumat.
- **Bahan Fizikal**
- **Perkhidmatan**

** Semua dokumentasi mestilah menggunakan Bahasa Melayu

** Selaras dengan MBMMBI maka semasa *presentation* penggunaan Bahasa Inggeris adalah dibenarkan.

** Dokumentasi projek inovasi mestilah dihantar kepada Panel Penilai Projek Inovasi Kelab dan Persatuan seminggu sebelum tarikh pertandingan. (yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur)

9.0 PERINGKAT PERTANDINGAN

- 9.1 Peringkat Sekolah – Semua pasukan atau kelab dan persatuan menyertai pertandingan peringkat sekolah.
- 9.2 Peringkat Daerah - Hanya satu pasukan/sekolah yang akan menyertai pertandingan peringkat daerah.
- 9.3 Peringkat Zon – Hanya satu pasukan/sekolah yang menjadi johan di daerah akan menyertai pertandingan peringkat zon (Sabah dan Sarawak).
- 9.4 Peringkat Negeri – Pasukan yang menjadi Johan peringkat daerah akan mewakili daerah ke pertandingan peringkat negeri.
- 9.5 Peringkat Kebangsaan – Dua pasukan terbaik di peringkat negeri (Johan dan dan Naib Johan) akan mewakili negeri ke pertandingan peringkat kebangsaan.

10.0 PANEL PENILAI / JURI

- a) Panel Penilai terdiri daripada panel penilai yang dilantik oleh Jawatankuasa Urusetia/Teknikal/Penganjur yang bertauliah serta berkelayakan, dan tidak mempunyai kepentingan kepada pasukan-pasukan yang bertanding.
- b) Penilaian dibuat secara *konsensius* penjurian.
- c) Bagi Pertandingan peringkat sekolah jumlah juri ditentukan oleh pihak sekolah masing-masing mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

- d) Seramai 3 orang juri akan menilai peringkat daerah, 5 orang juri Untuk peringkat negeri dan 7 orang peringkat kebangsaan.
- e) Untuk meningkatkan kebolehpercayaan penjurian, 3 fasa penjurian akan dilakukan untuk setiap peringkat iaitu fasa pra moderasi, fasa moderasi dan fasa pos moderasi.

f) Fasa Pra Moderasi

Kesemua juri akan mengambil sampel dan dinilai secara bersendirian berdasarkan borang penilaian. Penilaian di bentangkan dan sekiranya julat markah rendah dari 5 tiada perbincangan dan skil penjurian dikekalkan untuk fasa moderasi. Namun, sekiranya julat markah melebihi 5, perbincangan dibuat untuk mencari *konsensus* skil penjurian.

Fasa Moderasi

Penilaian oleh kesemua juri berdasarkan konsep '*here and now*' menggunakan borang penilaian secara holistik.

Fasa Pos Moderasi

Perbentangan undian juri, perbincangan kekuatan dan kelemahan untuk menentukan pemenang.

- g) **KEPUTUSAN PANEL JURI ADALAH MUKTAMAD**